

TINJAUAN KONSEPTUAL TERHADAP TERMINOLOGI MAQASID AL-SYARIAH DAN TERMINOLOGI YANG MEMPUNYAI PERSAMAAN MAKSUD

Mohamad Ridhaudhin Bin Mohd Salleh¹, Rohani Binti Desa² & Nadia
 Murshida Binti Abd Azzis³

¹Pelajar PhD Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS)

²Pensyarah Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS)

³Pensyarah Kulliyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS)

ABSTRAK

Ilmu usul fiqh telah melalui beberapa fasa perkembangan signifikan sehingga memunculkan ilmu Maqasid al-Syariah yang dibahaskan secara eksklusif pada zaman ini. Istilah Maqasid al-Syariah digunakan secara meluas pada zaman ini tanpa mengenalpasti falsafah dan epitemologi penggunaan Istilah ini. Justeru, kajian konseptual ini dilakukan untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara semua istilah-istilah tersebut dan membuat *pentarjihan* terhadap penggunaan istilah yang lebih tepat dan komprehensif bagi menjelaskan objektif syariah. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks dan perbandingan istilah dalam literatur Islam klasik dan moden. Beberapa istilah yang dibandingkan termasuk al-niat (النيات), al-ahdaf (الأهداف), al-ghayat (الغايات), al-Ilal (العلل) dan al-hikam (الحكم). Hasil kajian menunjukkan bahawasanya istilah Maqasid al-Syariah lebih tepat menggambarkan objektif syariah berbanding istilah-istilah lain. Istilah ini merangkumi tujuan pensyariaan hukum, kemaslahatan manusia, serta keseimbangan antara hak individu dan kepentingan umum. Justeru, penggunaan istilah Maqasid al-Syariah lebih sesuai digunakan berbanding istilah lain kerana ia memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap dasar-dasar Islam.

Kata Kunci: *Maqasid al-Syariah, analisis perbandingan istilah, perundangan Islam*

ABSTRACT

The science of *usul fiqh* has gone through several significant phases of development until it emerged the study of *Maqasid al-Syariah* which has been discussed exclusively in this era. The term *Maqasid al-Syariah* has been widely used without identifying the philosophy and epistemology of the use of this term. Therefore, this conceptual study is conducted to identify the similarities and differences between all these terms and to prioritize the use of terms that are more accurate and holistic in explaining the objectives of the Sharia. This qualitative study uses the method of text analysis and comparison of terms in classical and modern Islamic literature. Some of the terms being discussed in this research include *al-niat* (النيات), *al-ahdaf* (الأهداف), *al-ghayat* (الغايات), *al-'Ilal* (العلل) dan *al-hikam* (الحكم). The results of the study show that the term *Maqasid al-Syariah* is empirically accurate in describing the objectives of the Sharia compared to other terms. This term encompasses the purpose of legal regulation, human welfare, and the balance between individual rights and public interests. Therefore, the use of the term *Maqasid al-Syariah* is more accurate than other terms because it provides a more comprehensive understanding of the principles of Islam.

Keywords: *Maqasid al-Syariah, comparative analysis of terms, Islamic law*

Received: November 10, 2025

Accepted: December 03, 2025

Online Published: December 31, 2025

1. PENGENALAN

Penggunaan terminologi yang tepat dalam kajian adalah sesuatu yang mustahak bagi memastikan konteks peristiwa itu terjadi dan konteks kajian dilakukan difahami dengan tepat. Hal ini akan membantu pengkaji untuk menyusun atur kaedah penulisan, tajuk dan ruang lingkup perbahasan dan akan dapat membantu pembaca memahami keseluruhan skop dan konteks kajian (Usmanov, 2020).

Istilah *Maqasid al-Syariah* digunakan secara meluas dalam banyak kajian yang berkaitan dengan objektif syariah dalam sesuatu lapangan kajian seperti perbankan, ekonomi, zakat, psikologi dan lain-lain. Hal ini kerana semua hukum syarak mempunyai sebab atau *illah*, tujuan dan kemaslahatannya yang tertentu (al-Raisuni, 2014: 46) samada dinyatakan secara tersurat di dalam nas ataupun tersirat yang terkait dengan objektif sesuatu pensyariaan. Selain istilah *Maqasid al-Syariah* terdapat beberapa istilah lain yang mempunyai konotasi yang hampir sama dengan maksud *Maqasid al-Syariah* seperti *al-niat* (النيات), *al-ahdaf* (الأهداف), *al-ghayat* (الغايات), *al-'Ilal* (العلل) yang bermaksud sebab dan alasan. Lain-lain istilah seperti perkataan *al-ahdaf* (الأهداف), *al-ghayat* (الغايات) mempunyai maksud yang sama iaitu tujuan atau matlamat, manakala istilah *al-niat* (النيات) dan *al-hikam* (الحكم) telah pun dimelayukan dengan penggunaan lafaz yang sama.

2. TERMINOLOGI PENGGUNAAN AL-MAQASID (المقاصد) DAN AL-NIAT (النيات)

Para ulama berbeza pandangan dalam menentukan premis adakah *al-Maqasid* dan *al-niat* itu mempunyai maksud yang sama ataupun mempunyai perbezaan tertentu berdasarkan perbincangan berikut:

2.1 *Al-Maqasid* dan *al-Niat* Mempunyai Maksud yang Sama

Istilah *al-Maqasid* merupakan kata jama' taksir daripada perkataan ialah *al-qasdu* (القصد). Menurut pandangan para fuqaha, *al-qasdu* bermaksud:

الْعَزْمُ الْمَتَّجِعُهُ نَحْوُ إِنْشَاءِ فِعْلٍ

“Suatu keazaman yang jitu untuk mengadakan apa-apa perbuatan”

Kamus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan istilah *Maqasid al-Syariah* yang memberi maksud objektif atau tujuan syariat sebagai istilah yang sah untuk digunakan secara rasmi di dalam penulisan. Manakala istilah *al-niat* ialah kata jama' muannath *al-salim* (جمع مؤنث السالم) daripada perkataan ialah *al-niat* (النية). Menurut pandangan para fuqaha, *al-niat* bermaksud:

NO	MAZHAB	TAKRIF <i>AL-NIAT</i>
١	Ibn 'Abidin (1992,1/105)	قَصْدُ الطَّاعَةِ وَالتَّقَرُّبِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى فِي إِجَادِ الْفِعْلِ “Hasrat bagi suatu ketaatan dan mendekati diri kepada Allah dengan mengadakan suatu perbuatan”
٢	Al-Qarafi (1994,1/240)	قَصْدُ الْإِنْسَانِ بِقَلْبِهِ مَا يُرِيدُهُ بِفِعْلِهِ “Suatu hasrat di dalam hati seseorang tentang apa yang hendak dilakukannya”
٣	Al-Nawawi (t.t, 1/353)	عَزْمُ الْقَلْبِ عَلَى عَمَلٍ فَرَضٍ أَوْ غَيْرِهِ “Suatu azam di dalam hati untuk melakukan amalan fardu atau selainnya”
٤	Al-Bahuti (t.t, 1/313)	عَزْمُ الْقَلْبِ عَلَى فِعْلِ الْعِبَادَةِ تَقَرُّبًا إِلَى اللَّهِ تَعَالَى “Suatu azam di dalam hati melakukan ibadat untuk mendekati diri kepada Allah”

Jadual 1 berkenaan dengan takrif *al-niat*

Kedua-dua takrif al-qasdu (القصد) dan al-niat (النية) di atas mempunyai persamaan seperti berikut:

1. Hasrat untuk melakukan sesuatu (Al-Shazili, t.t, 1/131)
2. Hasrat tersebut tersemat di dalam hati (al-Ghazali, t.t, 4/354)
3. Hasrat tersebut dilandasi atas landasan keilmuan (‘Atthar, 1998, 1/375)
4. Tujuan bagi hasrat tersebut ialah untuk mengadakan sesuatu perbuatan yang belum wujud (Ibn Nujaim, 1999, 1/24)

2.2 *Al-Maqasid* dan *al-Niat* Mempunyai Maksud yang Berbeza

Istilah *al-Maqasid* dan *al-niat* mempunyai beberapa perbezaan yang signifikan seperti berikut (Ibn al-Qayyim, t.t, 3/190):

1. Tujuan (القصد) adalah berkaitan dengan tindakan pelaku dan tindakan orang lain, manakala niat (النِّيَّةُ) hanya berkaitan dengan tindakan pelaku sahaja.
2. Tujuan (القصد) hanya boleh berlaku pada sesuatu perbuatan yang pelaku mampu sahaja, manakala niat (النِّيَّةُ) boleh berlaku ke atas perlakuan yang pelaku mampu dan tidak mampu lakukan. Hal ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada Abi Kabsyah al-Anmari Baginda ﷺ bersabda:

إِنَّمَا الدُّنْيَا لِأَرْبَعَةِ نَفَرٍ، عَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ مَالًا وَعِلْمًا فَهُوَ يَتَّقِي فِيهِ رَبَّهُ، وَيَصِلُ فِيهِ رَحْمَهُ، وَيَعْلَمُ لِلَّهِ فِيهِ حَقًّا، فَهَذَا بِأَفْضَلِ الْمَنَازِلِ، وَعَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ عِلْمًا وَمَنْ يَرِزُقُهُ مَالًا فَهُوَ صَادِقُ النِّيَّةِ يَقُولُ: لَوْ أَنَّ لِي مَالًا لَعَمِلْتُ بِعَمَلِ فُلَانٍ فَهُوَ بِنِيَّتِهِ فَأَجْرُهُمَا سَوَاءٌ، وَعَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ مَالًا وَمَنْ يَرِزُقُهُ عِلْمًا، فَهُوَ يَخْبِطُ فِي مَالِهِ بِعَيْرِ عِلْمٍ لَا يَتَّقِي فِيهِ رَبَّهُ، وَلَا يَصِلُ فِيهِ رَحْمَهُ، وَلَا يَعْلَمُ لِلَّهِ فِيهِ حَقًّا، فَهَذَا بِأَخْبَثِ الْمَنَازِلِ، وَعَبْدٍ لَمْ يَرِزُقَهُ اللَّهُ مَالًا وَلَا عِلْمًا فَهُوَ يَقُولُ: لَوْ أَنَّ لِي مَالًا لَعَمِلْتُ فِيهِ بِعَمَلِ فُلَانٍ فَهُوَ بِنِيَّتِهِ فَوَزْرُهُمَا سَوَاءٌ

Di dunia ini terdapat empat golongan:

1. Seorang hamba yang Allah kurniakan harta dan ilmu, maka dia takut kepada Tuhannya dengan hartanya, menghubungkan silaturahim dan mengetahui hak Allah di dalam hartanya, maka inilah sebaik-baik darjat di sisi Allah.
2. Seorang hamba yang Allah kurniakan ilmu tetapi tidak dikurniakan harta, maka dia dengan niat yang benar berkata ‘jika aku mempunyai harta nescaya aku akan lakukan sebagaimana si fulan lakukan’, itu adalah niatnya (بِنِيَّتِهِ) dan pahala mereka berdua adalah sama.
3. Seorang hamba yang Allah telah kurniakan kepadanya harta tetapi tidak memberinya ilmu, lantas dia menghabiskan hartanya tanpa ilmu, menjauhi Allah dengan hartanya, tidak menghubungkan silaturahim dan

tidak mengetahui hak Allah di dalam hartanya, itu adalah seburuk-buruk kedudukan di sisi Allah.”

4. **Dan seorang hamba yang Allah tidak kurniakan kepadanya harta mahupun ilmu, lantas dia berkata ‘jika aku mempunyai harta nescaya aku akan lakukan sebagaimana si fulan lakukan’, itu adalah niatnya (نيتته) dan dosa mereka berdua adalah sama.**

Justeru, penggunaan istilah tujuan (الْقَصْدُ) yang hanya berkaitan dengan sesuatu yang mampu dilakukan sahaja lebih menepati maksud objektif syariah berbanding istilah niat (النِّيَّةُ). Hal ini kerana termonologi al-niat (النِّيَّةُ) terpakai kepada sesuatu yang mampu dilakukan oleh pelaku ataupun tidak mampu dilakukan olehnya dan ianya bercanggah dengan maksud sebenar objektif syariah yang tidak membebankan seseorang pelaku melebihi kemampuannya.

3. TERMINOLOGI PENGGUNAAN AL-MAQASID (المقاصد) DAN TUJUAN-TUJUAN (الأهداف)

Istilah al-ahdaf ialah kata jamak taksir daripada perkataan al-hadaf (الهِدْفُ) yang bermaksud matlamat. Secara perbandingannya, maksud matlamat-matlamat (الأهداف) dan al-Maqasid (المقاصد) mempunyai maksud yang hampir sama iaitu kedua-duanya bertujuan untuk mencapai sesuatu daripada perbuatan yang dilakukan. Para ulama mentakrifkan maksud bagi istilah matlamat (الهِدْفُ) adalah seperti berikut:

NO	SUDUT	Matlamat (الهدف)
1	Bahasa	الغرضُ “Matlamat”
2		كل شيء مرتفع “Sesuatu yang berada di kedudukan yang tinggi”
3	Istilah	مقاصدها التي شرعت الأحكام لتحقيقها “Tujuan yang ingin dicapai daripada penentuan hukum hakam” (al-’Alim, 1994, 79)
4		النتيجة النهائية لأي فعل أو سلسلة من الأفعال، سواء أكان الهدف مقصودا من القائم بالفعل أم لا “Matlamat terakhir bagi setiap tindakan atau siri-siri tindakan tertentu samada matlamat tersebut disengajakan oleh pelaku atau sebaliknya” (al-Qahtahi, 2022, 66)

Jadual 2: Maksud bagi istilah matlamat (الهدف)

3.1 Al-Maqasid dan al-Ahdaf Mempunyai Maksud yang Sama

Sebahagian ulama berpandangan istilah matlamat-matlamat (الأهداف) dan al-Maqasid (المقاصد) adalah sama maksudnya (al-Khadimi, 2001, 1/56) dan menggunakan kedua-dua istilah ini di dalam kitab-kitab penulisan seperti contoh berikut:

NO	ULAMA	MATLAMAT (الهدف) BERMAKSUD MAQASID AL-SYARIAH
1		ويرتبط موضوع التعليل أيضا بموضوع تحديد أهداف الشريعة العامة <i>“Perbincangan ‘illah juga mempunyai kaitan dengan perbincangan penentuan matlamat syariah secara umum”</i>
2	‘Ali bin Ahmad Muhammad Babkar (1981, 1/174)	أهداف الشريعة العامة ومبادئها: على الرغم من أن هذا المبحث مرتبط بتعليل الأحكام لكن رأينا تخصيصه بمبحث خاص. فرما يفهم من مبحث تعليل الأحكام أن المقصود من ذلك بحث علل الأحكام الفردية. لذا رأينا أن ندقق على أهمية من حفظ دين ونفس وعقل ومال ونسل... <i>“Matlamat syariah yang bersifat umum dan prinsip-prinsipnya: Walaupun perbincangan ini mempunyai kaitan dengan dengan proses ta’lil hukum, namun pihak kami berhasrat untuk membahaskannya secara khusus. Ini kerana barangkali difahami daripada perbincangan ta’lil hukum tersebut ialah membahaskan unit illah hukum yang tertentu sahaja. Justeru, pihak kami berpandangan untuk membahaskan secara tuntas kepentingan mempelajari Maqasid al-Syariah secara umum yang merangkumi menjaga agama, nyawa, akal, harta, keturunan...”</i>
3	Dr. Mustafa al-Zuhaili (2006, 1/10-29)	وانبرى المفتون للإفتاء في بيان حكم الله تعالى للناس في جميع شؤون الحياة، لتحقيق أهداف الشريعة ومقاصدها... <i>“Para mufti berdiri teguh memberikan fatwa dengan menjelaskan hukum Allah ta’ala kepada seluruh manusia dalam segenap urusan seharian mereka untuk mencapai tujuan syariah dan tujuan-tujuannya”</i>
4	Dr. ‘Abdullah bin Muhammad al-Tayyar (2011, 13/17)	وإن دعت الحاجة إلى بيان حكم الله في مسألة مستجدة عن طريق القياس أو الاستصلاح أو الاستحسان أو العرف المعتبر، تحرى بكل دقة أهداف الشريعة ومقاصدها <i>“Sekiranya terdapat keperluan untuk menjelaskan hukum Allah terhadap isu-isu kontemporari melalui kaedah qias, ataupun masalih, atau istihsan atau adat yang sah, termasuk meneroka secara empirik matlamat syariah dan tujuan-tujuannya.”</i>

Jadual 3: Penggunaan terminologi matlamat (الهدف) bermaksud Maqasid al-Syariah

3.2 Al-Maqasid dan al-Ahdaf Mempunyai Maksud yang Berbeza

Antara perbezaan yang dapat dikenalpasti antara al-Maqasid dan al-Hadaf (الهدف) adalah seperti penjelasan berikut. Al-hadaf (الهدف):

1. boleh membawa maksud perbuatan yang tercela,
2. Boleh digunakan dalam konteks untuk menggambarkan kumpulan-kumpulan yang sesat,
3. mempunyai konotasi yang tidak lengkap bagi menggambarkan maksud al-Maqasid al-Syariah.

Ketiga-tiga rumusan di atas diambil daripada penggunaan maksud al-Hadaf (الهدف) iaitu al-Gharadhu (الغرض) di dalam teks-teks klasik seperti berikut:

NO	KONTEKS	HURAIAN
1	Kebiasaan penggunaan	<p>“<i>Sesungguhnya apabila seseorang itu berkata “Si polan berbuat ini dengan matlamat tertentu, dan si polan ini bermatlamat sedemikian”. Dalam banyak keadaan ia memberi maksud perbuatan yang tercela seperti kezaliman atau perbuatan keji atau selainnya. Padahal Allah itu tersuci daripada semua itu.”</i> (al-Mawardi, 200,2/756)</p>
2	Akidah	<p>وَأَمَّا لَفْظُ الْغَرَضِ فَالْمُعْتَرِلُ تُصْرِحُ بِهِ <i>“Adapun perkataan الغرض (matlamat) golongan muktazilah menggunakan lafaz ini secara terang-terangan (dalam mengatakan Allah melakukan sesuatu tanpa ada sebarang hikmah atau sebab).”</i> (Ibn Taimiah, 1986, 1/455)</p>
3	Fikah	<p>وَأَمَّا الْفُقَهَاءُ وَتَحْوِيهِمْ فَهَذَا اللَّفْظُ يُشْعِرُ عِنْدَهُمْ بِنَوْعٍ مِنَ النَّقْصِ: إِمَّا ظَلَمٌ وَإِمَّا حَاجَةٌ، فَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ إِذَا قَالَ: فَلَانَ لَهُ غَرَضٌ فِي هَذَا، أَوْ فَعَلَ هَذَا لِعَرَضِهِ، أَرَادُوا أَنَّهُ فَعَلَهُ لِهَوَاهُ وَمُرَادِهِ الْمَدْمُومِ، وَاللَّهُ مُنَزَّهٌ عَنِ ذَلِكَ. <i>“Adapun fuqaha dan seumpamanya, perkataan ini (الغرض-matlamat) mempunyai konotasi yang tidak lengkap. Samada cenderung kepada kezaliman atau berhajatkan kepada sesuatu. Sesungguhnya ramai orang apabila berkata “Si polan ini bermatlamat sedemikian, si polan berbuat ini dengan matlamat tertentu”, ia memberi maksud mereka melakukan perbuatan itu kerana didorong oleh hawa nafsunya dan yang dimaksud dengan konteks itu perbuatan tercela. Padahal Allah itu tersuci daripada semua itu.”</i></p>

Jadual 4: Maksud Al-hadaf (الهدف) dalam kitab turath

Justeru, penggunaan istilah al-qasdu (القصد) tidak dapat ditemui mempunyai sebarang konotasi yang boleh membawa kepada kekeliruan berbanding maksud istilah al-hadaf (الهدف). Istilah ini boleh membawa kepada kesukaran memahami konteks sebenar dan boleh membawa kepada kesalahfahaman dalam memahami konteks yang dikehendaki oleh syarak.

4. TERMINOLOGI PENGGUNAAN AL-MAQASID (المقاصد) DAN MATLAMAT-MATLAMAT (الغايات)

Istilah al-ghayat (الغايات) ialah kata jama' muannas al-salim (جمع مؤنث السالم) daripada perkataan al-ghayah (الغاية) yang bermaksud matlamat, penghujung bagi sesuatu perkara (نهاية الشيء وطرفه) atau penghujung dan terakhir bagi sesuatu (النهائية وَالْآخِر). Terdapat dua penggunaan bagi istilah al-ghayah (الغاية):

1. Matlamat (الغاية) bermaksud hikmah, 'illah ataupun masalah
2. Matlamat (الغاية) memberi maksud *al-Maqasid* (المقاصد)

4.1 *Al-Maqasid* dan *al-Ghayah* Mempunyai Maksud yang Sama

Sebahagian ulama cenderung berpandangan al-Maqasid (المقاصد) dan matlamat-matlamat (الغايات) adalah sama, bahkan mereka mendefinisikan al-Maqasid (المقاصد) sebagai matlamat-matlamat (الغايات).

NO	ULAMA	TAKRIF <i>AL-MAQASID</i> (المقاصد)
1	Dr. Ahmad al-Raisuni (2001,1/7)	الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها، لمصلحة العباد. “Matlamat-matlamat yang syariat telah letakkan untuk dicapai bagi tujuan kemaslahatan manusia.”
2	Dr. Iwadh bin Muhammad al-Qarni	الغايات التي أنزلت الشريعة لتحقيقها لمصلحة الخلق في الدارين “Matlamat-matlamat yang telah diturunkan oleh syariat untuk dicapai bagi kemaslahatan semua makhluk samada di dunia mahupun akhirat.”
3	‘Allal al-Fasi (1993,7)	الغاية منها، والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها “Satu matlamat dan rahsia yang telah ditentukan oleh Allah dalam setiap hukum syarak”

Jadual 6: Konteks penggunaan istilah *al-Maqasid* (المقاصد) dan matlamat-matlamat (الغايات) sebagai maksud yang sama

4.2 Al-Maqasid dan al-Ghayah Mempunyai Maksud yang Berbeza

Manakala, sebahagian ulama lain berpandangan banyak teks sama ada klasik mahupun kontemporari menggunakan lafaz matlamat (الغاية) dengan maksud hikmah, ‘illah ataupun masalah seperti contoh penggunaan berikut:

NO	ULAMA	HURAIAN
1		يذكر في الحكم والنهيات التي تذكر في العلل التي هي الغايات “Disebut di dalam hikmah-hikmah dan hasrat utama di dalam ‘illah (bagi sesuatu hukum) ialah matlamat (bagi perkara tersebut)”
2	Ibn Taimiah (1987,6/111)	“Sekiranya dikatakan maqasid pada percakapan dan perbuatan ialah pada ‘illahnya yang menjadi matlamat utama kedua-duanya. ‘Illah inilah yang menjadi matlamat yang didahulukan di dalam perbincangan dan niat tetapi menjadi paling akhir pada wujudnya dan keberhasilannya.”
3	Al-Asbahani (1986,3/27)	“Hikmah ialah matlamat dan tujuan daripada hukum. Seperti mengelakkan kesulitan dengan memberikan keringanan dalam permusafiran. Inilah matlamat daripada keringanan tersebut.”
4	‘Abdul Wahab Khalaf (t.t, 1/58)	أن الله سبحانه ما شرع حكماً إلا لمصلحة، وأن مصالح العباد هي الغاية المقصودة من تشريع الأحكام “Allah tidak mensyariatkan hukum kecuali untuk masalah tertentu. Kemaslahatan hamba merupakan matlamat yang dikehendaki daripada pensyariaan hukum-hakam.”
5	Muhammad Thohir Hakim (2002,1/201)	ونرى أن المصلحة هي الغاية، وما يُؤدِّي إليها وسيلة “Kami berpandangan masalah ialah matlamat, manakala cara untuk mencapainya dikenali sebagai mekanisme.”

Jadual 5: lafaz matlamat (الغاية) dengan maksud hikmah, ‘illah ataupun masalah

Sungguhpun perkataan matlamat-matlamat (الغايات) luas penggunaannya dalam mentakrifkan maksud Maqasid al-Syariah sehingga menyukarkan para ulama untuk membezakannya secara tuntas kerana maksud kedua-duanya hampir sama, namun epistemologi matlamat-matlamat (الغايات) tidak dapat menggantikan perkataan Maqasid al-Syariah dalam menggambarkan maksud yang dikehendaki dalam istilah tersebut kerana tiga sebab:

1. Maksud yang dikehendaki daripada kedua-dua perkataan ini tidak sama:

Menurut Imam al-Zarkasyi, matlamat (الغاية) bermaksud penghujung bagi sesuatu perkara yang memberi maksud suatu had atau batas yang mewujudkan hukum bagi sesuatu padanya dan ternafi hukum selepas had tersebut (Zarkasyi, 1994, 4/459)

sedangkan Maqasid al-Syariah tidak menafikan hukum yang wujud sebelum atau selepas had tersebut.

2. Implikasi *matlamat* (الغاية):

Lafaz penggunaan *matlamat* (الغاية) memberi maksud faedah atau keberhasilan objektif bagi sesuatu hukum itu akan kembali kepada penentu hukum atau pemberi arahan tersebut. Perkara ini bercanggah dengan Maqasid al-Syariah kerana Allah sebagai penentu hukum tidak memerlukan sebarang faedah daripada semua pensyariatan agama, bahkan pensyariatan ini bagi tujuan kemaslahatan kepada hamba-Nya sahaja (Ibn al-Qayyim, 1994, 5/718).

3. Fungsi *matlamat* (الغاية):

Matlamat (الغاية) di sisi ulama Usul al-Fiqh berfungsi sebagai mengkhususkan dalil-dalil yang umum atau mengikat lafaz yang mutlak tetapi Maqasid al-Syariah tidak terhad kepada fungsi sedemikian bahkan menjelaskan tujuan umum dan tujuan khusus pensyariatan Islam.

5. TERMINOLOGI PENGGUNAAN AL-MAQASID (المقاصد) DENGAN AL- ‘ILAL (العلل)

Al- ‘ilal (العلل) ialah kata jamak taksir (جمع التفسير) bagi al-‘Illah (العلة). Para ulama sepakat bahawasanya maksud ‘illah dari sudut bahasa ialah sakit (المرض) tetapi mereka berbeza pandangan maksud ‘illah dari sudut istilah seperti berikut:

NO	ULAMA	HURAIAN
1	Ibn ‘Abidin al-Hanafi	<p>مَا يُضَافُ إِلَيْهِ تُبَيِّنُ الْحُكْمَ بِلَا وَسِطَةٍ</p> <p>“<i>Sesuatu yang disandarkan kepadanya untuk penentuan hukum tanpa sebarang pengantaraan.</i>”</p>
2	Ibn al-Humam al-Hanafi (t.t, 7/11)	<p>المَعْرِفَةُ لِلْحُكْمِ</p> <p>“<i>Penunjuk dan pengenalan kepada hukum.</i>”</p>
3	Al-Isnawi (1999, 1/319)	<p>الوصف المؤثر في الأحكام يجعل الشارع لا لذاته</p> <p>“<i>Suatu sifat yang dijadikan Allah sebagai pemberi kesan dalam penentuan hukum.</i>”</p>
5	‘Ali bin Sulaiman Al-Mardawi	<p>وصف ظاهر منضبط معرف للحكم</p> <p>“<i>Satu sifat yang jelas yang wujud yang menjadi penunjuk bagi hukum.</i>”</p>

Jadual 7: Maksud ‘illah dari sudut istilah

5.1 Al-Maqasid dan al-Ilal Mempunyai Maksud yang Sama

Berdasarkan takrif yang dikemukakan oleh para ulama sebagaimana dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa 'illah merupakan suatu sifat yang terdapat pada sesuatu perkara yang menjadi faktor penentu dalam penetapan sesuatu hukum. Terdapat tiga ciri-ciri persamaan antara *al-maqasid* (المقاصد) dengan *al-'ilal* (العلل), antaranya seperti:

1. Kedua-duanya menjelaskan berkenaan dengan hikmah yang dikehendaki oleh syariat di dalam pensyariatannya.
2. Kedua-duanya menjelaskan tujuan hukum untuk mendatangkan masalah dan mengelakkan mafsadah.
3. Tidak semua pendalilan kedua-duanya disebut di dalam al-Quran, al-Sunnah mahupun ijma.

5.2 Al-Maqasid dan al-Ilal Mempunyai Maksud yang Berbeza

Tanpa menafikan sebahagian besar daripada Maqasid al-Syariah berdiri di atas asas 'illah pada keharusan atau larangannya, namun perbincangan epistemologinya bagi kedua-dua terminologi itu berbeza sebagaimana dalam penjelasan berikut:

1. Sebahagian maksud 'illah memberi maksud sebagaimana Maqasid al-Syariah, manakala sebahagian yang lain menerangkan sifat yang ada pada sesuatu dalam penentuan hukum (al-Namlah, 1999, 5/1973).
2. Lafaz *al-Maqasid* lebih umum berbanding *al-'illah*.
3. 'Illah yang sebenar tidak akan berubah dengan berubahnya zaman, situasi mahupun individu tetapi Maqasid al-Syariah yang tidak dinaskan adalah perkara ijtihadi yang boleh berubah dengan berubahnya zaman, situasi mahupun individu.
4. 'Illah menjelaskan asbab hukum sedia ada, manakala *al-Maqasid* menjangkau perkara hukum sedia ada.
5. Tidak boleh menggunakan 'illah yang tersembunyi atau tidak jelas tetapi mestilah berdasarkan kepada 'illah tertentu yang jelas ada pada perkara yang ingin diberikan hukum. Berbeza dengan *al-Maqasid* yang kadangkala:
 - 5.1. Sifatnya tidak jelas seperti kemudahan (التيسير) dan mengangkat kesukaran (رفع الحرج) dalam perjalanan bagi mengharuskan perbuatan mengqasarkan solat ketika musafir (al-Ghazzi, 2003, 2/193).
 - 5.2. Tersembunyi hikmah dan tujuannya dan tidak dapat ditaakul oleh akal (iaitu *ta'abbud*) secara 'illah seperti jumlah rakaat solat yang berbeza-beza atau puasa wajib hanya pada bulan Ramadan atau tawaf tujuh pusingan dan selainnya.

Justeru, terminologi *al-'ilal* mempunyai beberapa perbezaan yang signifikan berbanding dengan Maqasid al-Syariah yang lebih komprehensif menjelaskan maksud yang dikehendaki di dalam syarak.

6. TERMINOLOGI PENGGUNAAN AL-MAQASID (المقاصد) DENGAN AL-HIKAM (الحكم)

Al-hikam (الحكم) ialah kata *jamak taksir* daripada perkataan *al-hikmah* (الحكمة) yang memberikan beberapa maksud dari sudut bahasa seperti:

1. 'Illah
2. Semua pandangan yang menepati kebenaran (كُلُّ كَلَامٍ وَافِقٍ الْحَقِّ)
3. Suatu pernyataan berkenaan mengetahui sesuatu yang terbaik dengan ilmu yang terbaik (عِبَارَةٌ عَنِ مَعْرِفَةِ أَفْضَلِ الْأَشْيَاءِ بِأَفْضَلِ الْعُلُومِ)
4. Meletakkan sesuatu pada tempatnya (وَضْعُ الشَّيْءِ فِي مَوْضِعِهِ)
5. Tali kekang kuda (حِكْمَةُ اللَّجَامِ)

6.1 *Al-Maqasid* dan *al-Hikam* Mempunyai Maksud yang Sama

Berikut pula ialah takrif *al-hikmah* dari sudut istilah para ulama usul ialah:

NO	ULAMA	HURAIAN
1	Ibn 'Abidin	مَا شَرَعْتَ لِأَجْلِهِ “ <i>Sesuatu yang disyariatkan kerananya</i> ”
2	Al-Qarafi	هي التي لأجلها صار الوصف علّة للحكم “ <i>Taitu bagi memenuhi kehendak hikmah, maka terjadilah sifat bagi sesuatu sebagai ‘illah bagi hukum</i> ”
3	Abdul Karim al-Namlah	ما يترتب على التشريع من جلب مصلحة أو تكميلها أو دفع مفسدة أو تقليلها
4	Nuruddin al-Khadimi	“ <i>Sesuatu yang terhasil daripada pensyarian dengan menghasilkan masalah atau menyempurnakannya atau mengelakkan kemudaratannya atau mengurangkannya.</i> ”
5	Ibn 'Amir Haj	الأمرُ الباعثُ مِنَ الْمَقَاصِدِ
6	Amir Bad Shah	“ <i>Perkara yang terdorong daripada al-Maqasid</i> ”
8	Al-Thufi	غَايَةُ الْحُكْمِ الْمَطْلُوبَةِ بِشَرْعِهِ “ <i>Matlamat utama pada hikmah-hikmah yang dikehendaki daripada pensyarian hukum</i> ”

Jadual 8: Takrif *al-hikmah* dari sudut istilah para ulama usul

Daripada pentakrifan di atas, boleh disimpulkan bahawasanya kedua-dua istilah ini mempunyai persamaan yang agak ketara.

6.2 *Al-Maqasid* dan *al-Hikam* Mempunyai Maksud yang Berbeza

Namun, berdasarkan kepada takrif yang diberikan oleh para ulama di atas, dapat difahami bahawasanya terdapat dua konteks penggunaan perkataan *al-hikmah* yang biasa digunakan di dalam perbahasan usul fiqh:

1. *Al-hikmah* dengan maksud maqasid iaitu menghasilkan masalah dan mengurangkan kemudaratan
2. *Al-hikmah* dengan maksud 'illah bagi sesuatu hukum

Secara perbandingannya istilah *al-Maqasid* lebih sesuai digunakan berbanding istilah *al-hikam* (الحكم) dalam menjelaskan maksud-maksud syarak atas sebab-sebab berikut:

1. Istilah *al-Maqasid* lebih umum berbanding *al-hikam* (الحكم):

Hal ini kerana istilah *al-Maqasid* merangkumi maksud maksud-maksud (المعاني), hikmah-hikmah syariah (الحكم), sifat-sifat syariah (أوصاف الشريعة) dan objektif umum syariah (غايتها العامة).

2. Perkataan *al-Maqasid* lebih sesuai digunakan bagi menggambarkan tujuan-tujuan syariat diturunkan kepada manusia, manakala istilah hikmah yang lebih halus maksudnya lebih sesuai digunakan pada firman atau perbuatan Allah Taala. Contohnya hikmah penurunan al-Quran secara beransur-ansur, atau hikmah diutuskan pada rasul.

Justeru, terminologi *al-hikam* (الحكم) mempunyai beberapa perbezaan yang signifikan berbanding dengan Maqasid al-Syariah yang lebih komprehensif menjelaskan maksud yang dikehendaki di dalam syarak.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, analisis perbandingan terhadap terminologi Maqasid al-Syariah dengan istilah-istilah lain yang mempunyai persamaan makna seperti *al-niat* (النيات), *al-ahdaf* (الأهداف), *al-ghayat* (الغايات), *al-Ilal* (العلل) dan *al-hikam* (الحكم) menunjukkan bahawa walaupun kesemua terminologi tersebut berkongsi elemen tujuan, sebab dan hikmah di sebalik pensyarian, namun istilah Maqasid al-Syariah mempunyai keluasan makna yang lebih menyeluruh dan mendalam. Maqasid al-Syariah bukan sekadar menzahirkan tujuan pensyarian hukum, tetapi turut menekankan keseimbangan antara kemaslahatan individu dan kepentingan umum dalam rangka mencapai keadilan dan kesejahteraan sejagat. Dari sudut epistemologi, istilah ini menggambarkan struktur pemikiran hukum Islam yang lebih sistematik dan komprehensif berbanding istilah lain yang sering terhad kepada konteks tertentu. Oleh itu, penggunaan istilah Maqasid al-Syariah dalam kajian akademik dan perundangan Islam adalah lebih tepat kerana ia mencerminkan keseluruhan falsafah syariah yang berteraskan rahmah dan hikmah.

RUJUKAN

- Al-Asbahani, Mahmud bin ‘Abdul Rahman bin Ahmad bin Muhammad. (19.86). Bayan al-Mukhtasar Syarh Mukhtasar Ibn al-Hajib, komentar oleh Muhammad Mazhar Baqa. Cetakan pertama. Jeddah: Dar al-Madani.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Solahuddin bin Hasan bin Idris al-Hanbali. (t.t). Kasyfu al-Qina’ ‘an Matn al-‘Iqna’. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (t.t). Ihya’ ‘Ulumuddin. Beirut: Dar ‘al-Ma’rifah.
- Al-Ghazzi, Muhammad Sidqi bin Ahmad bin Muhammad. (2003). Mawsu’ah al-Qawa’id al Fiqhiah. Cetakan pertama. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Isnawi, ‘Abdul Wahim bin al-Hasan bin ‘Ali. (1999). Nihayatu al-Sul Syarh Minhaj al-Wusul. Cetakan pertama. Beirut. :Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Khadimi, Nuruddin bin Mukhtar. (2001). ‘Ilm Maqasid al-Syari’ah. Cetakan pertama. Jeddah: Maktabah al- ‘Abikan.
- Al-Mardawi, ‘Ali bin Sulaiman. (2000). al-Tahbir Syarh al-Tahrir fi Usul al-Fiqh, komentar oleh Dr. ‘Abdul Rahman al-Jibrin, Dr. ‘Iwadh al-Qarni, Dr. Ahmad al-Sirah. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Namlah, ‘Abdul Karim bin ‘Ali bin Muhammad. (1999). al-Muhazzab fi ‘Ilmi Usul al-Fiqh al-Muqaran. Cetakan pertama. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Raisuni, Ahmad bin ‘Abdul Salam bin Muhamad. (2014). al-Fikr al-Maqasidi: Qa’iduhuwa Fawaiduhu. Cetakan keempat. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Al-Raisuni, Ahmad bin ‘Abdul Salam bin Muhamad. (2001). Nazariyat al-Maqasid ‘inda al-Imam al-Syathibi. Cetakan pertama. Riyadh: al-Dar al- ‘Alamiah li al-Kitab al-Islami.
- Al-Qarāfi, Ahmad bin Idris bin ‘Abdul Rahman al-Maliki. (1994). al-Zakhirah komentar oleh Muhammad al-Hijji. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyidin Yahya bin Syaraf bin Murri bin Hasan al-Hizami al-Hawrani al-Syafie, al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Shazili, Hasan ‘Ali. (t.t). al-Jinayat fi al-Fiqh al-Islami Dirasah Muqaranah baina al-Fiqh al-Islami wa al-Qanun. Cetakan kedua. Riyadh: Dar al-Kitab al-Jami’e.
- Al-Qahtani, Fawwaz bin Muhammad bin ‘Ali bin Fari’. (2022). al-Furuq fi Maqasid al-Syariah. Cetakan pertama. Madinah: Dar al-Nasihah.
- Al-Tayyar, ‘Abdullah bin Muhammad, al-Mutlak, ‘Abdullah bin Muhammad, al-Musa, Muhammad bin Ibrahim. (2011). al-Fiqh al-Muyassar. Cetakan pertama. Riyadh: Madar al-Wathan.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. (2006). al-Qawa’id al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba’ah. Cetakan pertama. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-‘Alim, Yusuf Hamid. (1994). al-Maqasid al-‘Ammah li al-Syariah al-Islamiah. Cetakan kedua. al-Ma’had al-‘Alami li al-Fikri al-Islami.
- Al-Syi’ah al-Qadariyah, komentar Muhammad Rasyad Salim. Cetakan pertama. Riyadh: Universiti Islam Imam Muhammad bin Su’ud.
- _____, al-Fatawa al-Kubra li Ibn Taimiah. Cetakan pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Zarkasyi, Muhammad bin ‘Abdullah bin Bahadir. (1994). al-Bahru al-Muhit fi Usul al-Fiqh. Cetakan pertama. Dar al-Kutubi.

- ‘Athar, Laila ‘Abdul Rasyid. (1998). *Ara’ Ibn Qayyim al-Jauziyyah al-Tarbawiyah: Dirasah wa Tahlil wa Taqwim wa Muqaranah*. Cetakan pertama. Maryland: Manshurah li al-Nasyr.
- Al-Fasi, ‘Allal. (1993). *Maqasid al-Syariah al-Islamiah wa Makarimuha*. Cetakan kelima. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Babkar, ‘Ali Ahmad bin Muhammad. (1981). *Dirasat fi Usul al-Fiqh*, Majallah al-Jami’ah al-Islamiah bi al-Madinah al-Munawwarah. Cetakan ketiga belas.
- Ghulam Rasul, Muhammad Thohir Hakim. (2002). *Ri’ayah al-Maslahah wa al-Hikmah fi Tasyri’ Nabiiyyi al-Rahmah*. Bilangan 116. Tahun 34. Universiti Islam Madinah al-Munawwarah.
- Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin bin ‘Umar bin ‘Abdu’ Aziz al-Hanafī. (1992). *Radd alMuhtar ‘ala al-Dur al-Mukhtar*. Cetakan kedua. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Humam, Muhammad bin ‘Abdul Wahid. (t.t). *Fathu al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim bin Muhammad al-Hanafī. (1999). *al-Asybah wa al-Nazhair’ala Mazhab Abi Hanifah al-Nu’man*, komentar dengan meletakkan sumber rujukan dan dikeluarkan status hadis oleh Zakaria ‘Umairat. Cetakan pertama. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiah.
- Ibn Taimiah, Ahmad bin ‘Abdul Halim bin ‘Abdul Salam, bin ‘Abdullah bin Abi al-Qasim bin Muhammad bin Taimiah. (1986). *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiah fi Naqdi Kalm*
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub bin Sa’ad. (1994). *Zad al-Ma’ad fi Hadyi Khairi al-‘Ibad*. Cetakan kedua puluh tujuh. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Khalaf, ‘Abdul Wahab. (t.t). *‘Ilmu Usul al-Fiqh*. Cetakan kelapan. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Usmonov, Y., & Usmonova, Z. (2020). *The Role and Importance of Terminology in the Study of Specialized Language*. *International Journal on Economics, Finance and Sustainable Development* ISSN (Electronic), 2620-6269.